



Rujukan Kami: PIS/PENT/KKP/5Jld.2 (421)  
Tarikh: 26 September 2021

**SEMUA PENGHUNI KOLEJ KEDIAMAN PELAJAR,  
SESI DISEMBER 2020.**

Saudara/Saudari,

**TUNTUTAN BAYARAN BALIK YURAN ASRAMA KEPADA PELAJAR  
POLITEKNIK MALAYSIA BAGI SESE DISEMBER 2020 MENGIKUT  
BILANGAN HARI TIDAK MENGINAP DI ASRAMA**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada surat daripada Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti rujukan JPPKK/BKP/400-1/1/5Jld.3 (5) bertarikh 1 Mac 2021 berhubung perkara di atas.

2. Bagi menjaga kebajikan pelajar-pelajar Politeknik Malaysia yang terkesan akibat pandemic COVID-19, Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi pada Mac 2021 telah bersetuju dengan cadangan bayaran yuran asrama oleh pelajar-pelajar Politeknik Malaysia dibuat mengikut bilangan hari menginap di asrama bagi sepanjang pandemic COVID-19 mengikut kadar harian sepertimana berikut:

BIL.	JENIS ASRAMA	KADAR HARIAN (RM)
1.	Asrama Konvensional	0.35
2.	Asrama PFI	3.50

3. Justeru itu, bagi memastikan urusan pembayaran balik yuran asrama kepada pelajar-pelajar yang terlibat berjalan dengan lancar, pelajar perlu mengemukakan dokumen-dokumen berikut:

- Lampiran D1** – Borang Permohonan Pulangan Balik Hasil (Vot B11);
- Lampiran D3** – Surat Permohonan daripada Pemohon Asal;
- Lampiran II** – Borang Pengiraan Bayaran Balik Yuran Asrama Mengikut Bilangan Hari yang Tidak Menginap di Asrama;
- Lampiran B** – Perakuan Pengiraan Bayaran Balik Yuran Asrama Mengikut Bilangan Hari yang Tidak Menginap di Asrama;
- Satu salinan Kad Pengenalan (Baharu) yang telah disahkan;
- Satu salinan Surat tawaran Belajar Sesi Disember 2020 yang telah disahkan (bagi pelajar Semester 1 sahaja);

- (g) Satu salinan Penyata Bank/Buku Akaun Penerima/Penyata dalam Talian (*Online Statement*) terkini yang telah disahkan;
- (h) Resit bayaran asal yang telah disahkan atau satu salinan *Bill Presentment* Bank Islam yang telah disahkan;
- (i) Surat Akuan Sumpah (bagi kes resit yang telah hilang/kabur); dan
- (j) Dokumen sokongan lain yang berkaitan.

4. Pelajar hendaklah mengemukakan permohonan ke Kaunter Pejabat Pengurusan Kolej Kediaman atau secara pos **selewat-lewatnya pada 31 Oktober 2021** beserta dengan lampiran-lampiran yang diperlukan ke alamat:

Penolong Pengurus Kolej Kediaman Pelajar,  
Politeknik Ibrahim Sultan,  
KM 10, Jalan Kong Kong,  
81700 Pasir Gudang,  
Johor.

5. Sebagai peringatan, borang yang tidak lengkap dengan dokumen yang dikehendaki tidak akan diproses untuk tuntutan. Tempoh bayaran pemulangan semula adalah tertakluk kepada kelulusan Jabatan Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti. Pihak PIS hanya menguruskan sahaja permohonan pelajar-pelajar. Bersama-sama ini juga disertakan lampiran-lampiran berkaitan dan Soalan Lazim (FAQ) untuk rujukan pelajar-pelajar. Sebarang pertanyaan, sila **hubungi Pn. Rohana binti Hashim, Penolong Pengurus Asrama di talian 07-2612800.**


Kerjasama dan perhatian pihak pelajar amatlah diharapkan dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(ABU BAKAR BIN ABDUL HAMID)**

Ketua Jabatan,  
Hal Ehwal Pelajar,  
Politeknik Ibrahim Sultan.